

**Pengemudi Bot Sungai Rajang Mahir "Baca" Sungai
Bernama
6 June, 2013**

BELAGA, 6 Jun (Bernama) -- Tatkala duduk di dalam bot bagi memulakan perjalanan ke lokasi bot ekspres karam di Giam Bungan, Sungai Rajang di sini minggu lepas, penulis hanya mampu berdoa agar selamat tiba di lokasi.

Sungai yang luas bak laut, berjeram dan berbatu selain dihuni 'sang bedal' cukup menggentarkan bagi penulis dan rakan jurufoto Bernama, iaitu antara anggota media terawal ke lokasi

Namun kecekapan pengemudi perahu Teren Lating, 36, mengurangkan rasa gerun dan menjadikan perjalanan selama sejam itu satu pengalaman menarik bagi penulis yang pertama kali membuat liputan tragedi sedemikian.

Pengamatan penulis mendapati, selain mahir dengan selok-belok sungai, Teren turut peka dengan situasi sekeliling terutama jika membabitkan 'sang bedal' yang begitu sinonim dengan sungai-sungai di Sarawak, terutama Sungai Rajang.

"Memang begini kehidupan masyarakat di sepanjang Sungai Rajang ini. Sejak kecil sudah didedahkan dengan kemahiran mengemudi perahu kerana inilah pengangkutan utama di sini," kata lelaki daripada etnik Sekapan itu kepada Bernama.

Menjadikan Sungai Rajang sebagai sumber rezeki dengan mengusahakan 'pengangkutan awam', Teren berkata beliau diberi kepercayaan mengendalikan bot seorang diri sejak berusia 13 tahun.

"Untuk saya mungkin senang bawa bot di sini (Sungai Rajang), tapi apa pun kena berdasarkan pengalaman juga, cari jalan yang betul, tengok arus deras atau tidak, serta tidak boleh 'lantak' sebarang," katanya.

Menurut bapa kepada empat anak itu, mereka lazimnya tidak beroperasi pada waktu malam, kecuali jika kecemasan.

"Paling jauh guna perahu ini, saya pernah hantar orang ke Kapit, ambil masa lima jam untuk sampai dengan anggaran minyak digunakan RM300, tapi tidak selalu buat perjalanan jauh macam itu, untuk kes-kes kecemasan saja," katanya.

Seperti pengguna jalan raya, pengemudi bot juga mengamalkan sikap bertolak-ansur dan bersopan dengan memperlahankan kelajuan bot apabila berselisihan dengan bot lain bagi mengurangkan impak gelombang air.

Dalam keseronokan mendengar pengalaman Teren, mata penulis dan penumpang lain di dalam bot itu terpaku pada satu 'objek' terapung yang mempunyai ciri-ciri seperti 'sang bedal', sekali gus membuatkan kami terdiam.

Tanpa menunjukkan sebarang reaksi, Teren memberhentikan bot dan membiarkan 'objek' itu melintasi kami dan selepas agak jauh Teren membuka mulut: "Itu biawak."

Ditanya mengenai operasi perniagaannya sejak kejadian bot karam itu, Teren tidak menafikan tragedi itu membawa pendapatan tambahan.

"Ada lah sikit pendapatan bertambah, contohnya sejak kejadian perkhidmatan bot ekspres dihentikan, dan ada orang minta hantar ke Punan Bah, Belaga, sebab tiada bot ekspres yang jalan," katanya.

Sungai Rajang merupakan sungai terpanjang di Malaysia. Alirannya bermula dari Banjaran Iran di tengah-tengah pulau Borneo menuju ke Laut China Selatan di bahagian barat, dan seperti sungai-sungai lain di Bumi Kenyalang ini, menjadi denyut nadi kepada masyarakat terutama di kawasan pedalaman.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954453>